



HPPNK 2025: Kelantan hargai sumbangan petani, penternak dan nelayan

ISSN 1311-6891 | SAFAR 1447H | 17-21 OGOS 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

105 peserta terima sijil Kursus Asas Permata 2024

SUKMA 2028 perkukuh perpaduan rakyat melalui sukan – Menteri Besar

Tuaian pertama Projek Tanaman Bawang capai 18,400 kilogram

## Kelantan berjaya hasilkan anak lembu pertama dari baka Charolais

Oleh: Asri Hamat

**BACHOK**, 20 Ogos - Kelantan berjaya menghasilkan anak lembu betina pertama dari baka Charolais melalui kaedah straw permanan beradas hasil dari makmal sendiri.

Exco Pertanian, Industri Agro-makanan dan Komoditi, YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, anak lembu tersebut dilahirkan pada awal tahun lepas yang diusahakan melalui Projek Pelestarian Lembu Naimbif dan Pusat Bio Animal Reproduction Center (BIO-Art) di Jeram Pasu, Pasir Putih.

"Pada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan (HPPNK) 2025 ini, pihak kerajaan negeri akan mempamerkan baka anak lembu ini yang telah berumur hampir dua tahun, khas untuk para pengunjung yang diberi nama Marconah anak kepada Marco," katanya ketika memberi ucapan aluan di majlis perasmian HPPNK 2025, di sini hari ini.

Menurut beliau lagi, Kerajaan Negeri Kelantan juga melalui agensi Kelantan Biotech Corporation menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan (JPVNK) dan Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan (IBVK), Jerantut untuk



menghasilkan benih berkualiti.

Menyentuh tentang HPPNK, beliau berkata, ia sebagai salah satu inisiatif kerajaan negeri dalam menghargai usaha penat lelah dalam kalangan para petani, peladang, penternak dan nelayan dalam berjuang menyediakan sumber makanan untuk kita semua.

"Program tersebut dianjurkan bagi mencapai fokus utama mendekatkan lagi masyarakat dengan dunia pertanian, perlادangan, penternakan dan perikanan yang menjadi nadi utama ekonomi di negeri ini.

"Ia juga merupakan satu usaha pihak kerajaan negeri dalam

mempromosikan bidang pertanian, penternakan dan perikanan kepada orang ramai khususnya rakyat Kelantan dan rakyat Malaysia amnya," ujar beliau.

Pelbagai pengisian acara, program dan aktiviti disusun sepanjang HPPNK 2025 antaranya, pameran agensi dan jabatan serta syarikat berkaitan kerajaan(GLC), syarikat swasta yang berkaitan dengan sektor pertanian, penternakan dan perikanan serta pameran ternakan di Laman Veterinar yang menghimpunkan lebih 220 ekor lembu sado selain dari ternakan lain.

Selain itu turut diadakan ialah promosi jualan dan pemasaran, sem-

“

Pada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan (HPPNK) 2025 ini, pihak kerajaan negeri akan mempamerkan baka anak lembu ini yang telah berumur hampir dua tahun, khas untuk para pengunjung yang diberi nama Marconah anak kepada Marco,”

inar, taklimat, ceramah demonstrasi dan penerangan yang berkaitan dengan sektor pertanian, penternakan dan perikanan, persembahan kebudayaan, pertandingan hasil pertanian, pertandingan memancing, pertandingan sepakan penalti dan banyak lagi.

Beliau berharap penganjuran HPPNK yang dilaksanakan pada tahun ini dapat memberi manfaat yang berterusan kepada rakyat selain dari program-program, inisiatif dan projek yang lain yang sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa di bawah Gerakan Pertanian Al-Falah dan gagasan Bertani Satu Ibadah.



# HPPNK 2025: Kelantan hargai sumbangan petani, penternak dan nelayan

Oleh: Asri Hamat

**BACHOK**, 20 Ogos – Program Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan (HPPNK) 2025 yang berlangsung selama lima hari bermula 20 hingga 24 Ogos di Pantai Irama Bachok disifatkan sebagai agenda penting dan dinanti-nantikan golongan peladang, penternak dan nelayan yang merupakan antara tulang belakang negara.

Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, program yang bertemakan ‘Usaha Tani Sumber Kehidupan Pertiwi’ tersebut merupakan satu inisiatif kerajaan untuk mendekati serta menyantuni para petani, penternak dan nelayan yang banyak berjasa bukan sahaja kepada negeri bahkan negara.

“Program ini menjadi suatu agenda besar yang sentiasa ditunggu-tunggu oleh warga peladang, penternak dan nelayan yang saya sifatkan sebagai barisan hadapan negara,” katanya dalam ucapan perasmian HPPNK di sini, hari ini.

Menurut beliau, sektor pertanian kekal sebagai penyumbang kedua terbesar kepada ekonomi negeri Kelantan yang menyumbang lebih 20 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di belakang sektor perkhidmatan yang mencatatkan lebih 69 peratus.

Tambahnya, prestasi sektor agromakanan dan pengeluaran hasil pertanian negeri menunjukkan peningkatan berterusan hasil



kerjasama erat pelbagai agensi dan jabatan serta dedikasi para peladang, penternak dan nelayan.

“Alhamdulillah dan tahniah saya ucapkan kepada semua yang terlibat. Ini adalah kejayaan bersama,” katanya lagi.

Jelas beliau lagi, dalam usaha memperkuuh sektor agromakanan ini, Kerajaan Negeri Kelantan turut melaksanakan pelbagai pendekatan melalui program HPPNK bagi memberi pendedahan ilmu, perkongsian pengalaman serta penemuan kaedah dan teknik pertanian moden kepada rakyat, khususnya generasi muda.

“Usaha ini tidak terhad kepada warga peladang, penternak dan nelayan sahaja tetapi turut melibatkan penglibatan semua lapisan masyarakat, termasuk anak muda,” ujar beliau.

Mengulas mengenai masa depan bidang pertanian, beliau berkata prospek dalam sektor ini sangat luas dan terbuka kepada anak-anak

muda yang berani mencuba serta memiliki kemahiran.

“Agenda Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam bidang pertanian kini semakin mendapat perhatian di peringkat nasional. Kelantan tidak terkecuali dalam meneroka potensi ini,” jelasnya.

Beliau turut memaklumkan bahawa usaha pelaksanaan TVET di bawah Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) telah menunjukkan hasil membanggakan melalui penglibatan sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan, pondok serta institusi tafhib swasta.

“Inilah sikap dan iltizam kerajaan negeri yang sentiasa komited memastikan pembangunan sosioekonomi rakyat sentiasa bergerak ke hadapan, meskipun berdepan pelbagai cabaran,” katanya.

Dalam majlis tersebut, YAB Menteri Besar turut menyampaikan anugerah kepada 19 orang yang berjaya dalam sektor pertani-

“

Program ini menjadi suatu agenda besar yang sentiasa ditunggu-tunggu oleh warga peladang, penternak dan nelayan yang saya sifatkan sebagai barisan hadapan negara,”

an, perladangan, perikanan, penternakan dan nelayan.

Antara penerima adalah Dato' Rohashimi Razak yang menerima Anugerah Usahawan Tani Jaya. Beliau berjaya membangunkan ladang musang king terbesar di Malaysia dengan keluasan 3,000 hektar.

Syarikatnya Sindiyah Plantation Sdn Bhd yang terletak di Lojing, Gua Musang pernah mencatat Malaysia Book of Records pada tahun 2024, kerana ladang beliau mampu mengeluarkan 200 metrik tan durian musang king dan dipasarkan di pasaran tempatan.

YAB Menteri Besar juga turut melancarkan produk makanan ternakan jenama OxyFAT yang dihasilkan melalui kerjasama Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) bersama Oxytech Sdn Bhd dan pihak RHB Bank selaku rakan pembiaya projek makanan ternakan dan kilang makanan ternakan.



# 105 peserta terima sijil Kursus Asas Permata 2024

Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 18 Ogos - Seramai 105 daripada 120 peserta telah berjaya menamatkan kursus dan menerima sijil Kursus Asas Permata (KAP) 2024.

Peserta tersebut telah menjalani kursus intensif selama 28 hari yang diadakan pada setiap hari Jumaat dan Sabtu, selama tiga bulan merangkumi 41 modul asas asuhan kanak-kanak.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, YB Rohani Ibrahim dalam ucapan perasmianya mengucapkan tahniah kepada pelatih yang telah berjaya menamatkan kursus tersebut.

Beliau turut menegaskan bahawa pekerjaan sebagai pengasuh merupakan satu pekerjaan yang sangat murni.

"Pekerjaan sebagai pengasuh merupakan satu pekerjaan yang mulia kerana kita memilih kerja untuk mengasuh manusia yang berusia satu minggu sampai berusia empat tahun. Inilah hebatnya mereka yang bekerja sebagai pengasuh."

"Para pengasuh hendaklah merasakan pekerjaan yang dikur-



niakan oleh Allah SWT ini, satu pekerjaan yang hebat dan jangan memperlekehkannya. Ini kerana pekerjaan ini dapat membentuk manusia daripada tidak tahu apa-apa kepada tahu."

Demikian menurut beliau ketika berucap merasmikan Majlis Graduasi KAP 2024 di Dewan Yayasan Islam Kelantan (YIK), Tunjong, di sini pada Sabtu.

Beliau turut menjelaskan bahawa untuk menjadi seorang pengasuh mestilah mempunyai ilmu agar anak-anak asuhan membesar dan membangun mengikut fasa-fasa yang ditetapkan.

"Kita mahu anak-anak di bawah jagaan kita menjadi anak yang berkembang mengikut proses yang ditetapkan dan menjadi anak yang baik. Oleh itu para pengasuh mesti

mempelajari ilmu asas pendidikan anak-anak," jelas beliau.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-Kekwa), Mas Rozita Mas Mohamad berkata, program KAP merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri Kelantan untuk melengkapkan ilmu pendidikan awal kanak-kanak kepada para pengasuh sama ada di Taska atau di rumah.

"Bagi tahun 2025, kerajaan negeri memberi fokus kepada pengasuh di rumah apabila menaja seramai 40 orang pengasuh untuk KAP," katanya ketika memberi ucapan aluan dalam majlis tersebut.

Untuk rekod, seramai 188 pengasuh berdaftar di Kelantan dan seramai 120 orang menyertai KAP.

Para peserta dipilih dari institusi Taska dan Taska di tempat kerja di seluruh Kelantan. Manakala, tempat latihan pula diadakan di Kota Bharu dan Gua Musang.

Dalam majlis tersebut Nur Faqihah Amni Jusoh dinobatkan sebagai Pelajar Terbaik KAP 2024 yang menerima 1/8 dinar emas, sijil anugerah pelajar terbaik, sijil kursus asuhan dan didikan Permafa, sijil penyertaan Kursus Asas Permata, hamper Bio Tajmeel dan sejambak bunga.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah, Timbalan Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, YB Nor Asilah Mohamed Zin, Ahli Parlimen Rantau Panjang, YB Dato' Zailah Mohd Yusof dan Ahli Parlimen Tumpat, YB Dato' Mumtaz Md Nawi.

## Pasukan Azimi rangkul kejuaraan Bowling KSK UPKN 2025



Oleh: Norzana Razaly

**KOTA BHARU**, 17 Ogos – Pasukan Bowling Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) yang diketuai Penolong Pengarah (Libat Urus Masyarakat) Che Mohd Irman Ismail dinobatkan sebagai pemain terbaik selepas mencatat jatuhan 254 pin sekali gus membantu pasukannya mengungguli saingan.

catatan keseluruhan 888 pin di Gelanggang Bowling Mydin Mall Tunjong, pada Sabtu.

Pertandingan yang berlangsung meriah itu turut menyaksikan Penolong Pengarah (Libat Urus Masyarakat) Che Mohd Irman Ismail dinobatkan sebagai pemain terbaik selepas mencatat jatuhan 254 pin sekali gus membantu pasukannya mengungguli saingan.

Menurut Azimi yang juga Pengurus KSK, temasya sukan tahunan kali ini dibuat secara serentak dengan pengajuran Hari Keluarga UPKN sebagai langkah penjimatan kos dan menyantuni kekangan masa melibatkan warga kerja UPKN.

"Program bermula pada petang Khamis dengan acara badminton di Kompleks Kota Darulnaim. Pada pagi Jumaat pula, warga UPKN bersaing dalam acara memanah, melontar dart dan karom sebelum berentap di gelanggang bowling pada sebelah malam. Sukanaka keluarga pula diadakan pada pagi Sabtu di Chalet Barakah Pantai Melawi, Bachok," katanya.

Sementara itu, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud menegaskan pen-

ganjuran program berbentuk ria-dah dan sukan amat penting kerana mampu mengurangkan tekanan kerja serta mengeratkan ukhuwah antara warga UPKN.

"Acara sebegini ibarat berhenti sejenak untuk menyegarkan semula fizikal, emosi dan mental sebelum meneruskan gerak kerja pasukan. Kini kita sudah berada di suku pertengahan tahun, bermakna hanya berbaki beberapa bulan lagi untuk melunaskan amanah agenda Membangun Bersama Islam. Justeru, kita perlu kekal cergas dan berstamina," jelasnya.

Beliau bersama timbalannya, YB Nik Bahrum Nik Abdullah hadir bagi memeriahkan pertandingan bowling serta menyampaikan hadiah kepada semua pemenang bagi setiap acara yang dipertandingkan.

# SUKMA 2028 perkukuh perpaduan rakyat melalui sukan – Menteri Besar



Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 19 Ogos – Pengajuran Sukan Malaysia (SUKMA) 2028 bukan sekadar acara sukan semata-mata, sebaliknya menjadi manifestasi tekad bersama antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan dalam memperkuh perpaduan rakyat serta membangunkan infrastruktur sukan bertaraf kebangsaan di Kelantan.

Demikian kata Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasuruddin Daud.

Menurutnya, usaha ini akan memberi manfaat bukan sahaja dari aspek sukan, tetapi juga merang-

sang pertumbuhan ekonomi setempat dan memperkuh semangat kebersamaan dalam kalangan rakyat.

“Insya-Allah, dengan doa dan kerjasama semua pihak, SUKMA 2028 akan menjadi temasya terbaik dalam sejarah pengajurannya di negeri Kelantan,” katanya menerusi satu hantaran di media sosial miliknya, semalam.

Terdahulu beliau mempergerusikan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Induk Pengelola SUKMA Kelantan 2028 yang diadakan di Bilik Gerakan Mabna-MBI, Kompleks Kota Darulnaim.

Mesyuarat tersebut bertujuan memastikan segala perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur sukan berjalan lancar, menepati jadual dan mencapai piawaian kebangsaan yang ditetapkan.

Sementara itu, Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat Negeri Kelantan, YB

Zamakhshari Muhamad berkata, mesyuarat tersebut menjadi platform penting untuk menilai semula status pembangunan infrastruktur sukan, khususnya di Madinah Al-Riadah, Bukit Merbau yang akan menjadi pusat tumpuan utama SUKMA 2028.

“Tumpuan diberikan kepada status kerja tanah, pembangunan infrastruktur asas dan perkembangan keseluruhan venue acara sukan,” katanya juga menerusi catatan di media sosialnya, semalam.

Antara projek utama yang dibincangkan termasuk pembinaan Pusat Akuatik Madinah Al-Salam di Kota Bharu, Stadium Hoki di Kompleks Sukan Bukit Merbau, Pusat Skuasy, Gelanggang Lawn Bowl berbumbung serta Arena Tertutup Serbaguna.

Katanya lagi, kesemua fasiliti tersebut bukan sahaja disediakan bagi menghadapi SUKMA 2028, tetapi juga dirancang untuk kegunaan jangka panjang dalam pem-

bangunan sukan di negeri Kelantan.

“Fasiliti moden ini akan membuka lebih banyak ruang kepada atlet tempatan untuk berlatih dan bersaing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta menjadi tarikan kepada masyarakat dan penggiat sukan tempatan,” tambah beliau.

Mesyuarat tersebut turut menegaskan komitmen kerajaan negeri bagi memastikan persiapan pengajuran SUKMA 2028 disusun rapi, menyeluruh dan berdaya saing.

Turut hadir dalam mesyuarat berkenaan ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Belia dan Sukan, Abdullah Hasan, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, YBM Tengku Kaya Perkasa, Dato' Dr Tengku Mohamed Fazihardean al-Haj Tengku Feissal, Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara, Jefri Ngadirin serta wakil agensi-agensi kerajaan negeri dan persekutuan.

## Tuaian pertama Projek Tanaman Bawang capai 18,400 kilogram

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 17 Ogos – Projek perintis tanaman bawang peringkat negeri Kelantan mencatat kejayaan awal apabila tuaian pertamanya menghasilkan sebanyak 18,400 kilogram.

Projek tersebut dilaksanakan melalui kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, Kerajaan Negeri Kelantan dan Jabatan Pertanian Malaysia yang melibatkan sepuluh pengusaha di kawasan seluas 4.6 hektar.

Exco Pertanian, Industri Agro-makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata penanaman bawang tersebut dilaksanakan menggunakan dua kaedah penanaman iaitu konvensional dan fertigasi gantung, sekali gus membuktikan potensi besar penanaman bawang di negeri ini.

“Projek ini merupakan inisiatif perintis dalam usaha menjadikan Kelantan sebagai salah satu



pengeluar bawang tempatan yang berdaya saing, di samping membantu meningkatkan pendapatan usahawan tani tempatan,” katanya menerusi hantaran di media sosial pada Khamis.

Menurut beliau lagi, projek ini turut mendapat sokongan pelbagai agensi teknikal termasuk Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta beberapa agensi lain yang berkaitan.

“Langkah ini diharap dapat mengurangkan kebergantungan

kepada bawang import, meningkatkan hasil pengeluaran tempatan serta membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada petani,” ujarnya.

Sementara itu, FAMA Kelantan dalam satu kenyataan di media sosialnya memaklumkan bahawa pihaknya akan bekerjasama dengan beberapa pasar raya terpilih bagi melaksanakan program promosi bawang Kelantan sebagai usaha memperkenalkan hasil tanaman tempatan ini kepada pengguna di seluruh negara.

“Melalui program ini, orang

ramai akan berpeluang mendapatkan bawang segar terus dari ladang sambil menyokong usaha petani tempatan, sekali gus mengukuhkan kedudukan bawang Kelantan di pasaran,” menurut kenyataan tersebut, pada Khamis.

Tuaian hasil pertama telah disempurnakan oleh Dato' Tuan Mohd Saripudin bersama Pengarah FAMA Negeri Kelantan Wan Faizatul Aniza Ismayatim dan Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Kelantan Norbahani Zakaria di TKPM Telong, Bachok pada Rabu.

# Pesta ‘Mmukat’ tawar pelancongan pengalaman, APM juarai edisi sulung

Oleh: Asri Hamat

**BACHOK**, 17 Ogos – Pesta ‘Mmukat’ di Pantai Impian, Kemasin telah dikomersialkan sebagai produk pelancongan pengalaman (experiential tourism) yang menawarkan pelancong merasai sendiri cabaran serta keunikan aktiviti menangkap ikan secara tradisional.

Edisi sulung yang berlangsung semalam menyaksikan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) muncul sebagai juara selepas mengungguli saingan sembilan pasukan daripada pelbagai agensi kerajaan negeri dan persekutuan.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata, penganjuran Pesta ‘Mmukat’ oleh Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) dengan kerjasama Majlis Daerah Bachok (MDB) berjaya menghidupkan kembali amalan komuniti pesisir dan membuka ruang kepada pengunjung merasai pengalaman autentik yang jarang ditemui di destinasi lain.

“Jika setiap pelancong berbelanja RM200 sehari dan tinggal dua hari di negeri ini, kita berupaya meraih lebih RM4 bilion setahun. Ini potensi realistik, apatah



lagi apabila produk warisan seperti ‘mmukat’ boleh dijadikan tarikan eksklusif kepada pelancong luar negara,” katanya ketika merasmikan acara pada Sabtu.

Menurutnya, sektor pelancongan terus menjadi antara penyumbang utama ekonomi negeri dengan mencatatkan 11.21 juta pelawat keseluruhan pada tahun lalu, melepas sisa sasaran 10 juta pelancong.

“Kelantan kaya dengan bahan mentah dan sumber mineral, namun sektor pelancongan lebih cepat menjana hasil jika dimanfaatkan dengan strategi yang tersusun.

“Kita mahu menghasilkan “niche product” yang boleh menam-

bat selera pelancong atas dasar pengalaman dan nilai budaya,” jelasnya.

Tambah beliau, tumpuan bagi tahun ini dan tahun hadapan adalah untuk meningkatkan promosi pelancongan di peringkat antarabangsa, khususnya di Bachok yang telah diiktiraf sebagai Bandar Pelancongan Islam.

Dalam sidang media terdahulu, beliau memaklumkan China merupakan antara pasaran utama ke Malaysia dengan lima penerbangan harian dari Guangzhou ke Kuala Lumpur, manakala Jepun dikenal pasti sebagai pasaran berpotensi tinggi melalui program khas pelan-

congan warga emas.

“Ketika musim sejuk, rakyat Jepun lebih cenderung menghabiskan cuti di negara beriklim panas seperti Australia. Malaysia boleh menjadi alternatif yang lebih ekonomik.

“Tourism Malaysia perlu mengambil peluang ini terutama melalui pejabatnya di Tokyo,” sarannya.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada pihak berkuasa tempatan atas usaha berterusan meningkatkan daya tarikan destinasi masing-masing.

Mengenai pesta ‘mmukat’, beliau berkata program berkenaan turut membawa mesej penghayatan terhadap pengorbanan para nelayan yang menyediakan sumber makanan kepada masyarakat.

“Bila kita turun padang dan rasa sendiri susah payah menarik pukat, barulah kita faham nilai sebenar hasil laut yang dibawa pulang ke pasar,” katanya.

Turut hadir, Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad bersama beberapa Ahli Dewan Negeri diiringi Ketua Jajahan Bachok, Mohd Zaki Yusof serta Pengarah TIC Nik Fahmi Nik Daud.





Pesta 'Mmukat' tawar pelancongan pengalaman, APM juarai edisi sulung

ISSN 1311-6891 | SAFAR 1447H | 17-21 OGOS 2025

# Buletin دارالنعيم DARULNAIM MINGGUAN

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

## Kelantan komited jadi Jelapang Makanan Negara – Menteri Besar

Oleh: Asri Hamat

**BACHOK**, 21 Ogos – Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan komitmennya untuk menjadi jelapang makanan negara demi menjamin kecukupan dan keterjaminan makanan dalam negara, kata Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Panglima Perang, Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud.

Beliau berkata, faktor perubahan iklim, ketidakstabilan geopolitik, serta sekatan eksport dan import akibat perang semakin menekan dunia, khususnya dalam aspek bekalan makanan dan kelangsungan hidup rakyat.

"Oleh itu, Negeri Kelantan telah lama berazam dan bertekad untuk menjadi jelapang makanan negara. Pelbagai inisiatif, program dan projek sedang dan akan terus digerakkan bagi memastikan bekalan



dan keterjaminan makanan dalam negeri dan negara mencukupi."

Katanya ketika merasmikan Program Hari Peladang, Penernak dan Nelayan Negeri Kelantan (HPPNK) 2025 di Pantai Irama, Bachok, pada Rabu.

Menurutnya, transformasi sektor pertanian dan agromakanan turut menjadi keutamaan kerajaan negeri sebagai salah satu langkah

strategik ke arah memperkuuh sekuriti makanan.

"Proses ini memerlukan masa yang panjang, tetapi ia telah pun dimulakan dan kini sedang berjalan dengan baik," katanya.

Tambah beliau lagi, inisiatif itu juga selari dengan pelan Kelantan Sejahtera 2033 di bawah strategi Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI), yang meng-

gariskan keterjaminan makanan sebagai salah satu agenda utama demi kesejahteraan rakyat.

"Kerajaan negeri juga bersikap terbuka untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak demi merealisasikan hasrat ini. Ia menunjukkan kesungguhan kita menuntut hak rakyat seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan," jelasnya.

Antara kejayaan awal hasil kerjasama tersebut ialah projek tanaman bawang di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Bachok yang telah berjaya menghasilkan tuaian pertama sebanyak 18.4 tan.

Beberapa projek dan inisiatif lain juga sedang dilaksanakan dan menunjukkan hasil yang positif, sekali gus memperkuuhkan lagi hasrat Kelantan untuk menjadi hab utama pengeluaran makanan negara.

## Lebih 400kg sampah dikutip, komuniti pantai diseru jaga kebersihan laut

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 17 Ogos – Lebih 400 kilogram (kg) sampah berhasil dikutip dalam satu gerakan pembersihan pantai berskala besar di Tok Bali pada Sabtu.

Sehubungan itu, Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail menyeru komuniti pesisir pantai menjaga keselamatan laut agar sebarang insiden yang boleh dicegah tidak berulang dalam kalangan nelayan.

"Pendedahan tentang keselamatan laut kepada para nelayan amat penting. Kita tidak mahu berlaku sebarang kejadian yang boleh dielakkan sekiranya langkah pencegahan diambil lebih awal," katanya menerusi media sosial, semalam.



Program anjuran Pejabat Perikanan Negeri Kelantan dengan sokongan PETRONAS, Hess Corporation Malaysia, Hibiscus Malaysia dan Persatuan Nelayan Kawasan Semerak itu disifatkannya berjaya mengetengahkan agenda mendidik komuniti pesisir mengenai aspek keselamatan laut dan tanggungjawab pemuliharaan jangka panjang.

Sebagai tanda sokongan kepada

para nelayan, sebanyak 130 peserta menerima sumbangan jaket keselamatan, alat pemadam api dan bakul makanan hasil tajaan rakan strategik program berkenaan.

"Program ini mencerminkan kerjasama erat antara agensi kerajaan, sektor korporat dan komuniti nelayan demi menjamin keselamatan laut dan kelestarian alam sekitar. Saya mohon kerjasama semua pihak, terutamanya masyarakat tempatan, untuk terus menjaga kebersihan dan keindahan pantai," jelasnya.

Dato' Tuan Mohd Saripudin turut menzahirkan komitmen kerajaan negeri dalam menjadikan Tok Bali sebagai kawasan pantai yang bersih dan selamat serta berpotensi menjadi tumpuan pelancongan baharu yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat.